

OUCH!

Surat Berita Bulanan Kesedaran Keselamatan untuk Anda

Privasi Media Sosial

Gambaran Keseluruhan

Kebanyakan orang tidak akan pernah mempertimbangkan untuk masuk ke bilik yang sesak dan menyiarkan dengan kuat kesemua butiran kehidupan peribadi mereka kepada orang yang tidak dikenali-daripada masalah kesihatan mereka sehinggalah nama keluarga dan rakan-rakan, umur, pekerjaan, atau lokasi sekolah mereka. Namun, kebiasaannya individu yang sama tidak akan berfikir dua kali mengenai berkongsi maklumat yang sama di media sosial. Kesan perkongsian yang terlalu banyak boleh memberi impak bukan sahaja kepada kehidupan peribadi dan profesional anda, tetapi juga kehidupan keluarga dan rakan-rakan anda.

Media sosial adalah tempat yang bagus untuk berhubung semula, berkongsi, dan belajar. Walau bagaimanapun, hanya dengan memastikan tetapan privasi media sosial anda kukuh bukanlah satu-satunya cara untuk melindungi diri anda. Sebaik sahaja anda menyiarkan apa-apa dalam talian, anda telah kehilangan kawalan ke atasnya. Anda perlu memahami apa yang dikumpulkan dan bagaimana ia digunakan. Berikut adalah beberapa perkara berkenaan privasi yang perlu diambil kira apabila anda menggunakan media sosial:



Tetapan Privasi: Berhati-hati apabila membuat dan kerap menyemak tetapan privasi untuk semua akaun media sosial anda, terutamanya apabila terdapat perubahan dari segi servis dan dasar privasi. Ingat bahawa walaupun anda telah menetapkan siapa yang dapat melihat siaran anda, semua maklumat anda dikumpulkan, dilombong, dan disimpan di server platform media sosial-mungkin selama-lamanya.



Pokok Privasi: Tetapan media sosial tidak dapat melindungi anda daripada rakan-rakan, saudara-mara, dan rakan sekerja yang melihat siaran anda dan kemudian mempunyai keupayaan untuk berkongsi siaran tersebut dalam kalangan rakan-rakan mereka dan sebagainya.



Perkongsian Keluarga: Semua orang gemar bercerita tentang rakan-rakan dan keluarga. Namun, menyiarkan gambar kek hari jadi yang lucu atau masalah kesihatan dan tingkah laku boleh menyebabkan buli terutamanya buat mereka yang lebih muda, serta boleh memberi kesan kepada kehidupan peribadi mereka.



Perkongsian Maklumat: Sekiranya perkhidmatan adalah "percuma," maka anda adalah produk. Siasatan mendapati bahawa apa yang anda lakukan dalam talian boleh dijual kepada orang lain.



Servis Lokasi: Data daftar masuk boleh ditambah kepada data peribadi lain untuk membuat profil kehidupan dan tabiat anda, yang boleh menjurus kepada penghendapan dan mendedahkan anda kepada gangguan lain. Di samping itu, berhati-hati dengan apa-apa maklumat lokasi yang termasuk di dalam mana-mana gambar atau video yang anda siarkan.



Kecerdasan Buatan: AI, media sosial, dan pemasaran adalah kombinasi yang sempurna. Pemasar kini menggunakan maklumat yang dikumpulkan daripada tabiat anda dalam talian untuk memberikan anda iklan yang tertumpu kepada carian atau pembelian terakhir anda, dan dengan itu terus belajar lebih banyak tentang anda.



Kematian Digital: Apabila seseorang meninggal dunia, kehadiran dalam talian mereka menjadi lebih terdedah kepada individu yang berniat jahat sekiranya akaun mereka tidak diselenggara atau dihapuskan oleh mereka yang terselamat. Privasi seseorang bukan hanya tentang orang itu sahaja; ia juga boleh memberi kesan kepada keluarga dan rakan-rakan.



Pendedahan Yang Tidak Disengajakan: Maklumat yang anda siarkan mengenai diri anda mungkin mendedahkan banyak sejarah peribadi anda, dan sekali gus jawapan kepada soalan keselamatan rahsia dalam talian anda.

Privasi adalah jauh lebih daripada sekadar menetapkan pilihan privasi di dalam akaun media sosial anda. Lebih banyak maklumat yang anda kongsi, dan lebih banyak lagi yang berkongsi tentang anda, maka lebih banyak maklumat yang dikumpulkan dan digunakan oleh syarikat, kerajaan, dan lain-lain. Salah satu cara terbaik untuk melindungi diri anda adalah dengan mempertimbangkan dan menghadkan apa yang anda kongsi dan apa yang dikongsi orang lain tentang anda, tanpa mengira pilihan privasi yang anda gunakan.

Editor Jemputan

Cathy Click mempunyai lebih daripada 14 tahun pengalaman dalam membangunkan program kesedaran keselamatan untuk sebuah syarikat global Fortune 500. Cathy gemar mengambil topik teknikal rumit dan menterjemahkannya kepada bahasa yang mudah difahami untuk membantu orang lain meningkatkan keselamatan dalam talian mereka.



Sumber

Pewarisan Digital:

<http://www.sans.org/u/Z2G>

Menipu Anda Melalui Media Sosial:

<http://www.sans.org/u/Z2L>

Ada Sokongan?:

<http://www.sans.org/u/Z2Q>

OUCH! diterbitkan oleh SANS Security Awareness dan diedarkan di bawah lesen Creative Commons BY-NC-ND 4.0. Anda bebas untuk berkongsi atau mengedarkan surat berita ini selagi anda tidak menjual atau mengubahnya. Lembaga Editor: Walt Scrivens, Phil Hoffman, Alan Waggoner, Cheryl Conley